

# ANALISIS KEPERLUAN PEMBANGUNAN MODEL MODAL INSAN RABBĀNĪ DALAM KALANGAN REMAJA ISLAM KOMUNITI ORANG ASLI

## NEEDS ANALYSIS FOR THE DEVELOPMENT OF A RABBANI HUMAN CAPITAL MODEL AMONG INDIGENOUS MUSLIM YOUTH

Aminah Albani<sup>1\*</sup>

Faridah Mohd Sairi<sup>2</sup>,

Noraini Ismail<sup>3</sup>

Azhar Abdul Rahman<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari (Acis) UiTM Cawangan Perlis Kampus Arau,  
(E-mail: aalbani76@yahoo.com)

<sup>2</sup> Pusat Asasi UiTM Cawangan Selangor Kampus Dengkil,  
(E-mail: faridah0052@uitm.edu.my)

<sup>3</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari (Acis) UiTM Cawangan Perlis Kampus Arau,  
(E-mail: noraini045@uitm.edu.my)

<sup>4</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari (Acis) UiTM Cawangan Perlis Kampus Arau,  
(E-mail: azharabdulrahman@uitm.edu.my)

\*Corresponding author: aalbani76@yahoo.com

### Article history

**Received date** : 25-8-2025

**Revised date** : 26-8-2025

**Accepted date** : 27-9-2025

**Published date** : 16-10-2025

### To cite this document:

Albani, A., Mohd Sairi, F., Ismail, N., & Abdul Rahman, A. (2025). Analisis keperluan pembangunan model modal insan Rabbānī dalam kalangan remaja Islam komuniti Orang Asli. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (77), 741 – 752.

**Abstrak:** Analisis keperluan penting dilakukan sebelum membangun sesuatu produk, model atau modul bagi memenuhi keperluan pengguna. Kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti keperluan pembangunan model modal insan rabbani dalam kalangan remaja Islam orang Asli. Pendekatan kaedah campuran digunakan merangkumi pengumpulan dan analisis data kualitatif serta kuantitatif. Data kualitatif diperolehi melalui temu bual separa struktur dengan empat orang informan yang terlibat secara langsung dalam inisiatif pembangunan komuniti Islam orang asli. Manakala data kuantitatif pula diperolehi melalui instrumen soal selidik yang diberikan kepada 30 orang responden dalam kalangan remaja Islam orang asli bertujuan untuk mengukur tahap pengetahuan agama, kemahiran insaniah, amalan akhlak, dan kesedaran identiti sebagai Muslim. Data kualitatif dianalisis secara tematik manakala data kuantitatif dianalisis secara statistik deskriptif. Hasil kajian menunjukkan wujudnya keperluan yang signifikan untuk membangunkan model modal insan rabbānī yang kontekstual sesuai dengan latar sosio-budaya komuniti orang asli khususnya dalam memperkukuh jati diri, integriti moral dan daya saing remaja Islam orang asli. Dapatan ini diharapkan dapat menjadi asas rujukan dalam perancangan intervensi strategik oleh pihak berkepentingan yang berteraskan prinsip Islam kontemporari serta bersesuaian dengan realiti komuniti Islam orang asli.

**Kata kunci:** Modal Insan Rabbānī, Remaja Orang Asli, Pembangunan Komuniti

**Abstract:** *A needs analysis is an essential preliminary step before developing any product, model, or module to ensure that it aligns with users' actual requirements. This study was undertaken to identify the needs for developing a rabbani human capital model among Indigenous Muslim youth. A mixed-methods approach was employed, encompassing both qualitative and quantitative data collection and analysis. The qualitative data were collected through semi-structured interviews with four informants who were directly involved in Indigenous Muslim community development initiatives. Meanwhile, quantitative data were collected using a questionnaire administered to 30 indigenous Muslim youth to assess their levels of religious knowledge, soft skills, moral practices, and awareness of Muslim identity. The qualitative data were analyzed thematically, while the quantitative data were analyzed using descriptive statistics. The findings indicate a significant need for the development of a contextual rabbani human capital model that is compatible with the socio-cultural background of the indigenous community, particularly in enhancing religious identity, moral integrity, and competitiveness among indigenous Muslim youth. It is anticipated that these findings will provide a conceptual foundation for strategic intervention planning by relevant stakeholders, grounded in contemporary Islamic principles and responsive to the realities of the indigenous Muslim community.*

**Keywords:** *Rabbani Human Capital, Indigenous Youth, Community Development*

## Pengenalan

Analisis keperluan adalah proses fasa awal yang perlu dilakukan kerana ia membantu mengenal pasti dan menentukan sama ada terdapat keperluan untuk membangun sesuatu model (Mohd Ridhuan et al., 2024). Fasa analisis keperluan juga boleh didefinisikan sebagai kaedah yang sistematik bertujuan untuk melihat keperluan yang mungkin wujud. Tribulasi dalam kehidupan era revolusi industri 4.0 memerlukan suatu model yang bersesuaian khususnya membangun modal insan yang bersifat rabbani dalam kalangan remaja Islam orang Asli. Kajian ini merupakan analisis keperluan kepada usaha membangun model modal insan rabbānī dalam kalangan remaja Islam orang asli.

## Modal Insan Dalam Agenda Pembangunan Negara

Istilah modal insan atau human capital mula diperkenalkan oleh Gary Backer (1964) yang merujuk kepada modal atau sesuatu yang boleh dikeluarkan dari seseorang individu untuk dimanfaatkan dan bersumberkan manusia (Norhafizah Ahmad et al., 2022). Manusia adalah domain atau komponen terpenting dalam negara bagi melaksanakan dasar-dasar yang telah dirangka. Menurut Abdullah dan Opir (2020), pembangunan modal insan perlu dilaksanakan bagi melahirkan individu yang mempunyai pengetahuan yang baik, tahap kemahiran tinggi dan produktif dalam usaha melahirkan sumber manusia yang mampan (Abdullah & Opir, 2020).

Malaysia yang dinamik membuktikan wujudnya perubahan sosial yang pesat didorong oleh perkembangan ekonomi, teknologi dan sosial yang berterusan. Perubahan ini berkait rapat dengan tahap keupayaan rakyat yang menjadi pemangkin kepada kemajuan negara. Menurut statistik yang diberikan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2025), jumlah penduduk Malaysia dianggarkan seramai 34 juta orang (DOSM, t.t.). Jumlah ini menunjukkan potensi besar Malaysia sebagai sebuah negara maju sekiranya modal insan yang sedia ada dilengkapi dengan pendidikan dan latihan yang berkualiti (Unit Perancangan Ekonomi, t.t.). Sumber manusia yang ada mempunyai keupayaan untuk ditambah nilai, ditingkatkan tahap intelek serta diperkaya dengan budaya (Izuli Dzulkifli & Asmawati Suhid, 2018).

Di Malaysia, gagasan pembangunan modal insan dicetuskan oleh mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi dalam Rancangan Malaysia kesembilan (RMK-9) sebagai usaha untuk meningkatkan pembangunan negara (Noraini Zulkifli et al., 2022). Ketika era pentadbirannya, fokus diberikan kepada usaha pengukuhan moral, integriti dan juga kerohanian rakyat Malaysia (Atan et al., 2017). Dalam Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB, 2023), pembangunan modal insan terus menjadi teras strategik untuk menyediakan taraf hidup yang wajar (decent standard of living) kepada seluruh rakyat Malaysia menjelang 2030 (Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, 2019).

Pada peringkat awal, perbincangan tentang modal insan banyak dibicarakan dalam bidang ekonomi yang menekankan keupayaan tenaga kerja demi menjana keuntungan. Namun pendekatan ini kini diperluas dengan memberi penekanan kepada kesejahteraan sosial khususnya dalam kalangan belia dan remaja (Noraini Zulkifli et al., 2022) serta pemerkasaan modal insan yang dilakukan oleh pihak kerajaan adalah berkaitan pemerkasaan sosio ekonomi 2030 yang memberi tumpuan kepada aspek kesejahteraan, ekonomi dan pembangunan mampan belia selepas krisis COVID-19 (Kementerian Belia dan Sukan, 2024).

### Pembangunan Modal Insan Rabbani

Pembangunan modal insan tidak boleh hanya bersifat material tetapi perlu merangkumi dimensi dari aspek spiritual dan kerohanian. (Noor Shakirah & Muhammad Azizan, 2014). Kajian terdahulu telah membincangkan berkaitan modal insan dari perspektif Islam termasuklah kajian Ab Aziz Yusof dan Mutaira Dwi Sari (2017) yang menyatakan pembangunan modal insan memerlukan empat elemen utama antaranya ialah jasmani, emosi, rohani dan intelektual (Aziz Yusof & Dwi Sari, 2017). Empat elemen ini sejajar dengan ayat surah Āli- ‘Imrān 3:79 yang menekankan pentingnya “rabbaniyyin” iaitu golongan berilmu yang mengajar dan mengamalkan isi kandungan kitab Allah.

مَا كَانَ لِيَشْرَ أَنْ يُؤْتِيَهُ اللَّهُ الْكِتَابَ وَالْحُكْمَ وَالنَّبُوءَةَ ثُمَّ يَقُولَ لِلنَّاسِ كُونُوا عِبَادًا لِي مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلَكِنْ كُونُوا رَبَّيِّكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تُعَلِّمُونَ الْكِتَابَ وَبِمَا كُنْتُمْ تَدْرُسُونَ.

*Terjemahan: “Tidaklah patut bagi seseorang manusia yang Allah berikan kepadanya kitab agama, dan hikmah serta pangkat nabi, kemudian dia tergamak mengatakan kepada orang ramai: Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang menyembahku dengan meninggalkan penyembahan Allah”. Tetapi (yang sepatutnya kenalah dia berkata): “Hendaklah kamu menjadi orang rabbaniyyin (yang menyembah Allah semata-mata dengan ilmu dan amal yang sempurna), kerana kamu sentiasa mengajarkan isi kitab Allah itu, dan kerana kamu selalu mempelajarinya”.*

(Āli- ‘Imrān 3:79)

Istilah “rabbaniyyin” merujuk kepada mereka yang mempunyai ciri-ciri orang berilmu dan beramal dengannya, bijaksana, bertakwa, ahli ibadah, pemikir serta mempunyai kelebihan dan mampu mentadbir urus manusia (Dato’ Zakaria Stapa, 2021). Perkataan “rabbaniyyin” adalah berbentuk jamak yang berasal dari kata rabb yang bermaksud tuhan dengan erti kata lain pencipta, pemelihara, pendidik dan pengatur (Azizi Umar et al., 2020). Menurut Sa‘īd Hawwā (1984), individu rabbānī ialah mereka yang mempunyai pegangan yang teguh kepada ajaran Allah dan memiliki ilmu yang baik serta menyampaikan ilmu yang ada kepada orang lain serta menjadi teras dalam pembangunan modal insan rabbānī (Muhamad Alihanafiah Norasid &

Mustaffa Abdullah, 2019). Menurut Raja Suzana dan Nurul Azreen (2023), kajian yang mempunyai nilai keagamaan memberi impak signifikan kepada pembangunan modal insan belia berisiko di Malaysia (Raja Suzana Raja Kasim & Nurul Azreen Salleh, 2023). Seterusnya kajian Azarudin Awang et al., (2023) berkaitan pembangunan modal insan dan hubungan antara pendidikan Islam dan pembangunan modal insan dalam kalangan muallaf. Manakala kajian Wan Yusnee Abdullah et al. (2020) menyarankan agar pembangunan insan yang holistik dan seiring prinsip Islam bagi melahirkan insan yang bersifat rabbānī kompeten serta seimbang dari aspek ilmu pengetahuan dan sahsiah diri.

Dalam usaha memperkasa aspek ilmu pengetahuan dan sahsiah diri, didapati isu pembangunan modal insan banyak memberi tumpuan kepada golongan remaja dan belia. Ini kerana mereka merupakan aset negara yang berada dalam fasa yang sesuai bagi pembentukan identiti, pemantapan nilai dan pengukuhan potensi diri yang kelak akan menentukan hala tuju pembangunan dan kepimpinan negara (Kementerian Belia dan Sukan, t.t). Walaupun pelbagai kajian dan dasar pembangunan modal insan telah dilaksanakan di peringkat nasional, namun kelompok minoriti seperti remaja komuniti orang asli masih berada di pinggir arus pembangunan terutama dari segi penguasaan pendidikan agama, nilai hidup Islami dan kekuatan rohani. Maka, satu kajian analisis keperluan perlu dijalankan bagi mengenal pasti keperluan membangun model modal insan rabbānī seperti gagasan yang dibawa oleh Sa'īd Hawwā. Model yang dihasilkan juga perlu bersesuaian dengan latar sosiobudaya remaja Islam orang asli disebabkan model yang sedia ada tidak bersesuaian dengan remaja Islam orang asli kerana pengaruh budaya asal yang masih kuat serta keperluan tarbiyah yang bersifat budaya inklusif.

### Metodologi Kajian

Di dalam pendekatan analisis keperluan, terdapat pelbagai jenis kajian yang boleh digunakan. Antaranya ialah kajian tinjauan, kajian kualitatif, kajian kuantitatif, kaedah campuran (mixed method), analisis dokumen dan eksperimen/kuasi-eksperimen (Cresswell 2015). Dalam konteks kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah campuran (mixed method) melalui pendekatan triangulasi data dari dapatan temu bual, soal selidik bagi mengenal pasti keperluan membangun model modal insan rabbānī dalam kalangan remaja Islam orang asli. Menurut Chua Yan Piaw (2011), temu bual didefinisikan sebagai perbualan dua hala yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkaitan. Kajian temu bual merupakan interaksi bersemuka antara penemu bual dan responden (Chua Yan Piaw, 2011). Temu bual bersemuka telah dijalankan bersama empat orang informan antaranya ialah Pengetua Institut Dakwah Islam Perkim (IDIP) Pengkalan Chepa Kelantan, Pegawai Eksekutif Operasi Dakwah Islamic Outreach Kelantan, seorang Mubaligh Islam dari Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK) dan seorang Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA JAKIM). Borang soal selidik telah diedarkan kepada 30 orang responden dalam kalangan remaja orang asli Islam berumur 13-19 tahun. Menurut Cooper dan Schindler (2011), pemilihan 30 orang responden adalah memadai bagi kajian awal atau pembangunan skala (Nurul Shuhada Sharif Mudin et al., 2023). Pendapat ini turut disokong oleh Chua Yan Piaw (2011) yang mencadangkan 30-40 orang responden sudah mencukupi untuk kajian awal (Faizal Amin Nur Yunus et al., 2017).

Kaedah pensampelan bertujuan (purposive sampling) digunakan bagi mendapatkan pandangan informan berkaitan keperluan pembangunan model. Pensampelan bertujuan adalah kaedah yang melibatkan pertimbangan pengkaji bagi memilih sampel kajian berdasarkan pengetahuan pengkaji dan keperluan kajian (Noraini, 2010). Kajian ini melibatkan empat orang informan yang dilabel sebagai P1 mewakili Pengetua Institut Dakwah Islam Perkim (IDIP) Pengkalan

Chepa Kelantan, P2 mewakili Pegawai Eksekutif Operasi Dakwah Islamic Outreach Kelantan, P3 Mubaligh dari Jabatan Agama Islam Negeri Perak (JAIPk) dan P4 Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA JAKIM).

**Jadual 1: Latar Belakang Peserta Kajian**

| informan | Jawatan                                       | Tahun berkhidmat |
|----------|-----------------------------------------------|------------------|
| P1       | Pengetua dan penyelidik bidang orang asli     | 25               |
| P2       | Pegawai Eksekutif Operasi Dakwah IOA          | 15               |
| P3       | Mubaligh Jabatan Agama Islam Negeri Perak     | 20               |
| P4       | Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA JAKIM). | 26               |

Sumber: Penyelidik (2025)

## Hasil Kajian (Data Kualitatif)

### Keperluan Pemantapan Ilmu Islam untuk Remaja Islam Orang Asli

Tema pertama adalah keperluan pemantapan ilmu Islam untuk remaja Islam orang asli. Menurut Wan Yusnee Abdullah et al. (2020) pembangunan insan yang holistik dan seiring berasaskan prinsip Islam bagi melahirkan insan yang bersifat rabbānī kompeten mesti seimbang dari aspek ilmu pengetahuan dan sahsiah diri (Wan Yusnee Abdullah et al., 2020). Melalui hasil temu bual, P1, P2, P3 dan P4 menegaskan perlu pemantapan ilmu agama Islam kerana ia merupakan asas yang penting bagi remaja Islam orang asli membangun identiti dan jati diri sebagai Muslim. Pendekatan yang diambil perlu bersesuaian dan mengambil kira tahap pendidikan dan latar belakang mereka.

*“Memerlukan pemantapan... amat perlu..” (P1)*

*“Kalau untuk remaja memang perlulah sebenarnya. Kalau kira remaja ni peringkat generasi kedua yang pertama dia yang umur lebih... perlulah sebenarnya untuk generasi kedua penyambung untuk generasi ketiga, dan empat dan seterusnya. So, memang perlu dalam pemantapan Islam memang perlulah untuk remaja orang asli..” (P2)*

*“Perlu...salah satu bagi mencorak kehidupan seseorang. Hasil dari didikan yang bermula dari dalamanlah. Sahsiah, kerohanian barulah timbul kesedaran dalam bentuk amal ibadah seharian tu.” (P3)*

*“Ya.. kalau kata nama yang beragama Islam memang wajiblah. Kalau tak ada pemantapan ilmu ni, dia akan cenderung ke arah lain tu lebih berat” (P4)*

### Pembentukan Akhlak Melalui Teladan dan Latihan/Praktikal

Menurut Noor Shakirah dan Muhammad Azizan (2014), akhlak merujuk kepada perlakuan yang meresap dalam rohani dan jiwa individu. Pengukuhan dari aspek tarbiah adalah menjadi keutamaan bagi melahirkan Muslim yang mempunyai akhlak Islami dan selari dengan konteks pembangunan modal insan rabbānī. Hasil temu bual bersama P1, P2, P3 dan P4, pembentukan akhlak dalam kalangan komuniti boleh dicapai melalui teladan secara langsung dari pendakwah, penghayatan dalam amalan seharian yang dijadikan rutin. Peranan pendakwah sebagai contoh ikutan amat signifikan dalam komuniti orang asli. Mereka lebih menilai perilaku berbanding ucapan.

*“Latihan yang berterusan.. sama ada, iaitu satu, Pendidikan formal, latihan formal.. yang kedua mungkin berkala mengikut keperluan.” (P1)*

*“Melalui pembelajaran dan juga dipanggil praktikal. Sebab itu sini kita ajar lepas itu kita praktikkan sekali, contoh kalau akhlak dia tu, berlandaskan syarat, dari start dia belajar dia praktikkan..lama-lama benda tu orang kata ambil masa dua tiga bulan dia start sehati. So dia dah boleh menghayati dan boleh praktikkan apa yang dia belajar hari-hari.” (P2)*

*“Orang asli ni dia tengok kita sebagai contoh. Masa tu dia tengok kelakuan kita, arr... sama menjadi contoh amalan generasi belia orang asli.” (P3)*

*“Dalam kelas pengajian fardu ain, kita masuklah unsur-unsur untuk pemantapan dalam amal ibadah, adab kita. Kita ceritalah macam mana Rasulullah s.a.w buat dulu jadi contoh role model.” (P3)*

*“Kena tunjuk contoh seorang Islam yang sempurna. Dia tak boleh lah, dia pendakwah tapi dia ajak, tunjuk ajar dia, perbuatan diri sendiri dia ka yang menyeleweng dari agama.”(P4)*

### **Pembangunan Pendakwah dari Komuniti Orang Asli Sendiri**

Remaja Islam orang asli mempunyai potensi besar untuk menjadi pendakwah dalam komuniti apabila diberikan pendidikan serta peluang yang sewajarnya. Mereka memiliki kefahaman mendalam terhadap konteks budaya setempat serta penyediaan pusat latihan dan pendidikan formal juga menjadi indikator ke arah merialisasikan potensi tersebut.

*“Berpotensi, memang kalau kira..memang berpotensi untuk dikembangkan sebagai daie... bawa depa keluar ke pusat pengajian”(P3)*

*“Ramai dah lah yang kita didik dan boleh menjadi pendakwah dikalangan orang asli sendiri”.(P4)*

### **Strategi dan faktor pendorong kejayaan dakwah**

Pendekatan dakwah perlu diadaptasi mengikut minat, bahasa dan budaya komuniti. Aktiviti berasaskan minat seperti sukan, aktiviti kelas memasak dan membuat seni kraf tangan berperanan sebagai pendekatan awal dalam membina hubungan sebelum penyebaran ajaran Islam dilakukan. Keberhasilan dakwah juga dipegaruhi oleh kesedaran diri, cinta kepada agama, sokongan dari keluarga, bantuan dari segi material serta pergaulan dan contoh teladan yang baik.

*“...melalui program lapangan kita program fardu ain, program berkala kah tidak berkala kah, bila kita bawa keluar dari sini dia akan sambung belajar, tujuan pusat latihan dibuat sebenarnya untuk itulah bila habis di pusat latihan, kita akan hantar ke organisasi atau IPTA-IPTS”. (P2)*

*“Kena banyakkkan program fardu ain kebiasaannya berkala”. (P2)*

*“Kelas tu mesti ada, seminggu sekali mesti ada kelas fardu ain tu. Kalau kita sekadar ziarah saja, hanya bertanya khabar..boleh, kerana itu salah satu untuk*

*mendekatkan dengan masyarakat orang asli. Tapi untuk menambah ilmu, dengan sekadar bersembang..tak sampai.. dia kena ada kelas yang khusus.” (P4)*

### Hasil Kajian (Data Kuantitatif)

Data kuantitatif diperoleh menerusi analisis soal selidik secara deskriptif menggunakan perisian SPSS (*Statistical Packages for Social Science*). Data yang diperoleh daripada soal selidik diterjemah dalam bentuk skor peratusan bagi menghuraikan secara keseluruhan data berkaitan keperluan pembangunan model modal insan rabbānī dalam kalangan remaja Islam orang asli. Hasil analisis ini digunakan untuk melihat dan mengenal pasti keperluan pembangunan model dari perspektif remaja Islam orang asli.

Analisis keperluan remaja Islam orang asli dikenal pasti dan ditinjau dari beberapa emelen antaranya ialah dari aspek Thaqafah (Pendidikan yang memberi fokus kepada pembangunan intelektual berpaksikan ketauhidan dan kemanusiaan), Tarbiah (pengasuhan dan penerapan akhlak Islamiah dengan sifat mahmudah, penjernihan Rohani dan penyucian jiwa) dan Dakwah (pelaksanaan amar makruf nahi mungkar). Analisis soal selidik menggunakan peratus dan hanya peratusan tertinggi yang ditunjukkan di dalam jadual.

**Jadual 2: Analisis Soal Selidik Remaja Islam Orang Asli**

| Elemen   | Item                                                              | Keputusan     | Peratus |
|----------|-------------------------------------------------------------------|---------------|---------|
| Thaqafah | 1. Saya suka belajar ilmu agama Islam                             | Sangat setuju | 83%     |
|          | 2. Saya tahu membaca al-Quran                                     | Setuju        | 73%     |
|          | 3. Ilmu Fardu Ain perlu diajar kepada remaja Islam orang asli     | Sangat setuju | 87%     |
|          | 4. Ilmu agama akan memberi panduan kepada hidup                   | Sangat setuju | 77%     |
| Tarbiah  | 1. Saya akan berdoa kepada Allah jika menginginkan sesuatu        | Sangat setuju | 77%     |
|          | 2. Berzikir membuat hati saya tenang                              | Sangat setuju | 67%     |
|          | 3. Baik atau buruk perbuatan akan mendapat balasan daripada Allah | Sangat setuju | 73%     |
|          | 4. Pendidikan kerohanian mesti diberikan kepada remaja orang asli | Sangat setuju | 68%     |
| Dakwah   | 1. Dakwah bermaksud mengajak kepada kebaikan                      | Sangat setuju | 87%     |
|          | 2. Saya pernah terlibat dalam program dakwah                      | Tidak pasti   | 40%     |
|          | 3. Program dakwah memberi kesan positif kepada saya               | Sangat setuju | 53%     |
|          | 4. Kaedah berdakwah para nabi perlu diajarkan kepada remaja Islam | Sangat setuju | 80%     |

Sumber: penyelidik (2025)

Merujuk kepada jadual 2 dijelaskan terdapat tiga elemen yang diketengahkan di dalam soal selidik. Hasil kajian berkenaan elemen thaqafah yang menekankan aspek ilmu pengetahuan Islam dalam kalangan remaja Islam orang asli, majoriti responden menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi. Bagi soalan minat kepada ilmu agama, sebanyak 83% remaja menunjukkan kecenderungan kepada pembelajaran ilmu agama Islam. Namun bagi aspek kefahaman asas membaca al-Quran masih sederhana sebanyak 73%. Ini menunjukkan perlunya penekanan kepada pengajaran al-Quran dalam kalangan remaja Islam orang asli. bagi soalan asas ilmu fardu ain, sebanyak 87% remaja beranggapan bahawa ilmu fardu ain sangat penting

untuk diajarkan. Ini juga menjadi bukti kesedaran yang tinggi terhadap kewajipan yang dituntut dalam Islam. Sebanyak 77% responden juga bersetuju agama sebagai panduan hidup. Dapat disimpulkan di sini, aspek thaqafah jelas memperlihatkan penerimaan positif dalam kalangan remaja terhadap ilmu agama walaupun tahap kefahaman masih diperingkat sederhana.

Bagi elemen tarbiah yang menjurus kepada amalan rohani seharian dan sikap dalam beragama didapati sebanyak 77% responden bersetuju bahawa manusia perlu berdoa kepada Allah jika menginginkan sesuatu. Sebanyak 67% responden juga turut mengakui bahawa dengan berzikir akan membuat hati tenang. Ini menunjukkan bahawa remaja Islam orang asli mengetahui pengisian rohani dan jiwa adalah melalui tarbiah. Sebanyak 73% responden juga meyakini setiap perbuatan baik dan buruk akan mendapat balasan dari Allah dan sebanyak 68% responden bersetuju mengatakan bahawa pendidikan kerohanian perlu diberikan kepada remaja Islam orang asli. Walaupun amalan berdoa, berzikir dan yakin dengan balasan Allah mencatatkan peratusan yang tinggi namun dari aspek pendidikan kerohanian masih memerlukan perhatian yang khusus.

Bagi elemen dakwah, soalan adalah berkaitan dengan keterlibatan dan pandangan responden terhadap kefahaman tentang maksud dakwah dan penglibatan. Secara umumnya 87% responden mengetahui maksud dakwah ialah mengajak kepada kebaikan. Walaupun ramai responden memahami maksud dakwah tetapi 40% atau hampir sebahagian daripada responden tidak pernah terlibat dengan program dakwah disebabkan kurangnya pendedahan dan kesediaan mereka untuk turun berdakwah di lapangan. Sebanyak 53% atau sebahagian dari responden juga bersetuju bahawa program-program dakwah yang dianjurkan memberi kesan yang positif. Maka dengan itu, 80% responden bersetuju agar kaedah berdakwah para nabi perlu diajarkan kepada remaja Islam orang asli. Secara keseluruhan didapati remaja Islam orang asli sebenarnya mempunyai kesedaran terhadap kepentingan dakwah namun penglibatan mereka masih rendah. Ini menjadi isyarat bahawa perlunya ada panduan khusus yang bersifat menarik, praktikal dan sesuai dengan konteks remaja Islam orang asli.

### Perbincangan Kajian

Melalui kajian yang telah dilakukan, terdapat keperluan yang signifikan bagi membangun model modal insan rabbani dalam kalangan remaja Islam orang asli. Keperluan ini menjadi asas kepada pembentukan identiti, sahsiah dan jati diri remaja Islam. Hasil temu bual menunjukkan semua informan menegaskan perlunya pemantapan ilmu Islam sama ada sebagai kewajipan agama, kesinambungan generasi, ataupun benteng daripada pengaruh negatif. Dapatan soal selidik juga menyokong perkara ini apabila majoriti responden menyatakan minat dan kesedaran tinggi terhadap pembelajaran agama, suka belajar ilmu Islam, tahu membaca al-Quran dan beranggapan ilmu fardu ain perlu diajarkan kepada remaja Islam orang asli.

Remaja Islam orang asli juga percaya ilmu agama berperanan sebagai panduan hidup. Elemen thaqafah merupakan elemen terpenting dalam membangun modal insan rabbānī. Elemen thaqafah ini selari dengan pandangan yang dibawa oleh Sa'īd Hawwā (1935-1988) yang telah memperkenalkan gagasan pembangunan modal insan rabbānī yang menekankan penerapan thaqāfah (penguasaan ilmu pengetahuan Islam) sebagai salah satu elemen dalam modal insan rabbānī (Alihanafiah Norasid, 2011). Pengetahuan asas yang berteraskan Islam seperti pengetahuan al-Quran juga adalah perlu bagi mengetahui bacaan yang betul di dalam solat. Pembelajaran yang fokus kepada al-Quran sekaligus memberi kelebihan dalam memahami di sebalik makna ayat yang dipelajari dan mengetahui tuntutan-tuntutan dalam agama Islam kepada penganutnya (Ismail Naim & Abdul Ghafar Don, 2019).

Bagi elemen tarbiah yang menjurus kepada pembentukan akhlak dalam kalangan remaja Islam orang asli yang menekankan pendidikan rohani, amalan berterusan serta teladan daripada pendakwah sebagai contoh ikutan. Hasil temu bual turut menunjukkan bahawa remaja Islam orang asli sebenarnya menilai perilaku pendakwah berbanding ucapan. Maka teladan dari perbuatan adalah salah satu kunci dalam menyampaikan ajaran Islam. Selain itu, pengajian fardu ain, doa, zikir serta keyakinan terhadap balasan Allah atas perbuatan baik dan buruk menjadi asas dalam membina kekuatan rohani dan akhlak Islami. Hasil kajian sosol selidik turut menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi agar pendidikan kerohanian dan pembinaan akhlak Islami diajar khususnya dalam kalangan remaja orang Asli. ini kerana menurut Noor Shakirah dan Muhammad Azizan (2014), akhlak adalah sesuatu yang meresap dalam jiwa dan rohani individu melalui pendidikan formal, latihan praktikal dan penghayatan amalan seharian (Noor Shakirah Mat Akhir & Muhammad Azizan Sabjan, 2014).

Dari aspek dakwah, kekuatan dari segi rohani dan jasmani akan melahirkan pendakwah yang berketerampilan tinggi. Menurut Zulkefli Aini dan Nor Izzatul Husna Burhan (2022), pendakwah orang asli perlu memiliki kekuatan dari aspek kerohanian yang meliputi akidah, ibadah dan akhlak (Zulkefli Aini & Nor Izzatul Husna Burhan, 2022). Melalui usaha dari pendakwah yang berkualiti, akan menjadi contoh ikutan dalam kalangan remaja orang asli seterusnya melahirkan pendakwah dalam kalangan orang asli sendiri. Hasil daripada temu bual berkaitan potensi melahirkan pendakwah dalam kalangan remaja orang asli menunjukkan adanya potensi besar apabila golongan ini diberi pendidikan, latihan formal serta sokongan berterusan melalui bimbingan dari pusat latihan atau pengajian tinggi.

Kefahaman budaya setempat dalam kalangan remaja orang asli juga menjadikan mereka lebih dekat dengan komuniti sekaligus meningkatkan keberkesanan dakwah. Namun, dalam usaha mendekati remaja Islam orang asli memerlukan kaedah dakwah yang berkesan seperti penyesuaian dengan bahasa, budaya komuniti dan mendorong minat mereka di dalam aktiviti seperti sukan, kelas memasak, membuat kraf tangan sebagai pendekatan awal sebelum penyampaian ilmu agama secara lebih mendalam. Selain itu, keberhasilan dakwah juga dipengaruhi oleh kesedaran diri, kecintaan kepada agama, sokongan keluarga, bantuan material serta teladan yang baik daripada pendakwah. Program pengajian fardu ain sama ada secara berkala atau mingguan dilihat penting untuk pengukuhan ilmu agama di samping aktiviti ziarah dan interaksi sosial sebagai medium mendekati masyarakat. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa remaja Islam orang asli pada asasnya mengetahui maksud dakwah iaitu mengajak kepada kebaikan dan remaja Islam orang asli juga mengakui kaedah dakwah para nabi wajar diajarkan kepada mereka.

Walaupun pendedahan dalam aktiviti dakwah secara lapangan masih kurang dan hanya sebahagian sahaja mengakui keberkesanan program dakwah kerana masih ramai yang tidak pernah terlibat dalam program-program dakwah akibat faktor keterbatasan turut serta dalam program dakwah lapangan, namun dengan pendedahan yang diberikan akan memberi peluang kepada mereka untuk menyerlahkan lagi potensi diri dalam usaha menjadi pelapis pendakwah di dalam komuniti mereka sendiri.

### Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini berbentuk kajian analisis keperluan yang menggunakan pendekatan kaedah campuran (*mixed method*) dengan menggabungkan kaedah kualitatif dan kuantitatif bagi menganalisis keperluan utama membangun model modal insan rabbānī dalam kalangan remaja Islam orang asli. Berdasarkan Hasil kajian dan perbincangan menunjukkan wujudnya keperluan yang signifikan untuk membangun model modal insan rabbānī yang kontekstual sesuai dengan latar sosio-budaya khususnya remaja Islam orang asli dalam memperkukuh jati diri, integriti moral dan pengamalan ajaran Islam. Remaja Islam orang asli juga menunjukkan minat dan kesedaran dalam beragama tetapi mereka masih memerlukan bimbingan yang lebih tersusun, program dakwah yang praktikal serta pendekatan tarbiah yang lebih mendalam bagi membina sahsiah Islam yang kukuh. Dapatan ini diharapkan menjadi asas rujukan dalam perancangan intervensi strategik oleh pihak berkepentingan yang berteraskan prinsip Islam kontemporari serta bersesuaian dengan realiti komuniti Islam orang asli dalam usaha membangun modal insan rabbani khususnya dalam kalangan remaja Islam orang asli.

### Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak universiti atas sokongan penyelidikan yang diberikan serta kepada semua pihak yang terlibat, khususnya komuniti Islam Orang Asli dan para informan yang telah memberikan kerjasama dalam kajian ini.

## Rujukan

- Abdullah, W. Y., & Opir, H. (2020). Model Pembangunan Modal Insan Pelajar di Unisel. *Selangor Science & Technology Review*, 4(Special Issue, Vol. 4, No. 3, (2020)), 14–28. <https://www.researchgate.net/publication/364112323>
- Alihanafiah Norasid, M. (2011). Manhaj Rabbani oleh Sa'id Hawwā dalam Pembangunan Modal Insan: Tumpuan kepada Karya al-Asās fī al-Tafsīr. In *Jurnal Usuluddin* (Vol. 33). <http://www.pmo.gov.my/modalinsan/index.html>.
- Aziz Yusof, A., & Dwi Sari, M. (2017). Pembangunan Modal Insan daripada Perspektif Islam: Impak kepada Pengurus. In *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* (Vol. 2, Issue 1). [www.msocalsciences.com](http://www.msocalsciences.com)
- Azizi Umar, Nurhafilah Musa, Mazlan Ibrahim, Mohd Huzairi Awang @ Husain, Habib Mat Som, Arifin Mamat, Wahibah Tahir, Mohd Abdul Nasir Abd Latif, Noor Hisham Md Nawi, Kamarulzaman Abdul Ghani, Adnan Abd Rashid, & Shukeri Mohamad. (2020). *Dokumen Rujukan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan*.
- Chua Yan Piaw. (2011). Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 1 Kaedah Penyelidikan. Mc Graw Hill.
- Dasar Tenaga Negara 2022-2040*. (t.t.). Unit Perancang Ekonomi Jabatan, Perdana Menteri.
- Dato' Zakaria Stapa. (2021). *Manhaj Rabbani Ummah Berkualiti* (Risalah Sambutan Ma'al Hijrah Peringkat Kebangsaan).
- Faizal Amin Nur Yunus, Nabilah Abdul Suki, Jamil Abd Baser, Saiful Hadi Masran, Mohd Fairuz Marian, & Mohd Bekri Rahim. (2017). *Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Kompetensi Pengajar Tvet Terhadap Pengajaran Teknikal Berdasarkan Pendekatan Model Rasch*.
- Ismail Naim, & Abdul Ghafar Don. (2019). Kepentingan Aspek Pengetahuan dan Kemahiran dalam Dakwah Terhadap Masyarakat Orang Asli. *Al-Hikmah*, 2(11), 20–36.
- Izuli Dzulkifli, & Asmawati Suhid. (2018). Pendidikan Islam Pemangkin Modal Insan OKU Muslim. *JQSS-37 JQSS-Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 2(2), 1–9.
- Jefridin Atan, Muhammad Hilmi Jalil, & Muhammad Hakimi Mohd Shafiai. (2017). Analisis Kepimpinan Tun Abdullah Ahmad Badawi terhadap Pembangunan Modal Insan di Malaysia. *Jurnal Hadhari Edisi Khas*, 195–212. [ejournals.ukm.my/jhadhari](http://ejournals.ukm.my/jhadhari)
- Kementerian Belia dan Sukan. (2024). *Pelan Pemerkasaan Sosioekonomi Belia 2030*.
- Ketua Setiausaha, K. H. E. E. (2019). *Ringkasan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030*. PNMB.
- Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Nurul Rabihah Mat Noh. (2024). *Penyelidikan Reka Bentuk & Pembangunan Teori dan Aplikasi*. Qaisar Prestige Resources.
- Muhamad Alihanafiah Norasid, & Mustaffa Abdullah. (2019). Gagasan Pembangunan Modal Insan Rabbani oleh Sa'id Hawwā dalam al-Asās fī al-Tafsīr: Ke Arah Pemerkasaan Kader Dakwah. *Journal of Usuluddin*, 25–48. <https://doi.org/10.22452/usuluddin.sp2019no1.2>
- Noor Shakirah Mat Akhir, & Muhammad Azizan Sabjan. (2014). Pembangunan Modal Insan dari Perspektif Kerohanian Agama: Islam Sebagai Fokus. *Journal of Human Capital Development*, 7(1).
- Noraini Zulkifli, Farrah Wahida Mustafar, & Mohd Ikhran Mohd Ridzuan. (2022). Pembangunan Modal Insan Di Malaysia: Satu Analisis. *Jurnal Dunia Pengurusan*. <https://doi.org/10.55057/jdpg.2022.4.3.2>
- Norhafizah Ahmad, Siti Marpuah, Abd Shakor Borham, Wan Ainaa Mardhiah Wan Zahari, Intan Farhana Saporudin, Nur Zainatul Nadra Zainol, Muhammad Masruri, Shah Rul Anuar Nordin, & Nik Kamal Wan Muhammed. (2022). Kepercayaan, Adat Budaya dan

- Amalan Keagamaan Orang Asli Kanaq di Kota Tinggi, Johor. *Jurnal Kemanusiaan*, 19(2), 26–32. [www.jurnal-kemanusiaan.utm.my](http://www.jurnal-kemanusiaan.utm.my)
- Nurul Shuhada Sharif Mudin, Aslina Ahmad, & Pau Kee. (2023). Kesahan dan Kebolehppercayaan Soal Selidik Analisis Keperluan Pembinaan Modul Kaunseling Kelompok Hibrid Bagi Guru Pelatih. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16, 211–226. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.sp2.20.2023>
- Populasi Penduduk Malaysia OpenDOSM*. (n.d.). <https://Open.Dosm.Gov.My/Ms-MY/Dashboard/Population>.
- Raja Suzana Raja Kasim, & Nurul Azreen Salleh. (2023). Pembangunan Item Model Insaniah Generasi Muda Berisiko Di Malaysia. *The International Journal of Maqasid Studies and Advanced Islamic Research*, 4(1), 1–14. <https://doi.org/10.55265/almaqasid.v4i1.49>
- Wan Yusnee Abdullah, Ahmad Tarmizi Zakaria, Hajar Opir, & Zaharudin Othman. (2020). Model Pembangunan Modal Insan Pelajar di Unisel. *Selangor Science & Technology Review*, 4(3), 14–28. <https://www.researchgate.net/publication/364112323>
- Zulkefli Aini, & Nor Izzatul Husna Burhan. (2022). Pembangunan Pendakwah Orang Asli Daripada Aspek Kerohanian: Satu Pendekatan Fuzzy Delphi. *Al-Hikmah*, 14(2), 24–47.